



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 15 JULAI 2023**

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|------------|---|--|
| 1. | KERAJAAN PERPADUAN AKAN PASTIKAN NASIB PESAWAH TERBELA, PENDAPATAN MENINGKAT -PM ANWAR, ASTRO AWANI -ONLINE | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA) |
| 2. | PADI LIMA MUSIM TINGKAT PENDAPATAN PESAWAH -PM, SH -ONLINE | |
| 3. | RM3 BILION TINGKAT INFRASTRUKTUR, PENDAPATAN PETANI, UM -ONLINE | |
| 4. | PERUNTUKAN RM3 BILION UNTUK PROJEK TANAM PADI LIMA MUSIM, KOSMO -ONLINE | |
| 5. | GOVT WILL TAKE CARE OF WELL-BEING OF PADI FARMERS, SAYS PM, FREE MALAYSIA TODAY -ONLINE | |
| 6. | RM3 BILION UNTUK PERTINGKATKAN INFRASTRUKTUR SAWAH SELURUH NEGARA, HM -ONLINE | |
| 7. | PM: GOVT TO PROTECT PADDY FARMER'S WELLBEING, INCREASE INCOME, MALAYSIA KINI -ONLINE | |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|-------------|---------|------------|
| 15/7/2023 | ASTRO AWANI | ONLINE | |

Kerajaan Perpaduan akan pastikan nasib pesawah terbelah, pendapatan meningkat - PM Anwar



Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim (dua, kiri) hadir pada Program Ramah Mesra bersama Peladang, Penternak, Nelayan, Penoreh dan Pekebun Kecil Peringkat Negeri Kedah di Ibu Pejabat MADA hari ini. - Foto BERNAMA

ALOR SETAR: Kerajaan Perpaduan akan memastikan nasib pesawah padi terbelah dengan meningkatkan pendapatan mereka,

kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Sehubungan itu, beliau berkata beberapa projek rintis bagi penanaman padi lima musim dalam dua tahun telah dijalankan antaranya oleh Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan Lembaga Zakat Negeri Kedah yang bertujuan meningkatkan hasil pengeluaran padi.

Anwar berkata sebanyak RM3 bilion diperlukan untuk menaik taraf infrastruktur di kawasan sawah padi bagi membolehkan penanaman padi lima musim dalam dua tahun dapat dilaksanakan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|--------------|---------|------------|
| 15/7/2023 | SINAR HARIAN | ONLINE | |

Padi lima musim tingkat pendapatan pesawah - PM



Anwar ketika berucap pada Majlis Sentuhan Madani peringkat negeri di MADA Ampang Jajar, pada Sabtu.

ALOR SETAR - Pesawah di seluruh negara diminta memberi kerjasama untuk menjayakan program penanaman padi lima musim dua tahun untuk meningkatkan hasil.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kaedah berkenaan diyakini mampu meningkatkan pendapatan pesawah daripada RM1200 kepada RM1800 sebulan berdasarkan projek rintis yang dijalankan di Sekinchan, Selangor.

Menurutnya, bagaimanapun pesawah juga diminta bekerjasama untuk menjayakan projek berkenaan dalam skala besar yang lebih menguntungkan berbanding diadakan secara kecil-kecilan.

“Saya minta kerjasama pesawah di Kedah untuk bagi kerjasama penuh kepada Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) untuk selaraskan projek ini.

“Beri peluang untuk kami perkenalkan satu kaedah yang boleh meningkatkan hasil. Kalau sekarang ini kerja pulun teruk macam mana pun, hasilnya memang terhad. Melalui cara ini kita harap dapat meningkatkan pendapatan pesawah,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Majlis Sentuhan Madani peringkat negeri bersama peladang, penternak, nelayan, pesawah, penoreh dan pekebun kecil di MADA Ampang Jajar, pada Sabtu.

Anwar berkata, infrastruktur projek kerjasama antara Jabatan Pertanian, MADA dan Padiberas Nasional Berhad (Bernas) itu juga sedang dinaik taraf mencecah RM3 bilion.

“Sekarang kita akan siapkan infrastruktur dan pengairan, RM3 bilion itu diluluskan untuk lengkapkan keperluan infrastruktur sedia ada, saya mahu MADA menjadi contoh bagi kerjasama program ini.

“Saya mahu pastikan perancangan ini berjaya untuk bela nasib pesawah padi bawah pentadbiran kita terjamin, sebab itu kita tegas bersihkan kerja-kerja sakau bagi pastikan pendapatan pesawah tinggi,” ujarnya.

Menurutnya, kaedah tanaman lima musim dua tahun juga diyakini dapat menyelesaikan masalah negara dari aspek keterjaminan makanan atau sekuriti makanan.

"Saya harap dengan beberapa program termasuk Smart Sawah Berskala Besar (SSBB) dapat diperluaskan. Tak boleh lagi 10,000 hektar atau 5,000 hektar. Kita kena perluaskan dan jalankan secara besar-besaran," katanya.

Anwar berkata, kawasan MADA seluas 201,000 hektar merupakan jelapang padi terbesar namun Kedah tidak lagi memiliki tanah untuk diteroka untuk tanaman padi.

"Kawasan jelapang padi ini miskin. Kalau tahu miskin, perlu cari jalan, bantu bagi pendapatan naik. Kerana tanaman padi beri kesan kepada negara.

"Sarawak ada kawasan sawah padi besar yang baharu dan di Sabah kita tambah kawasan tanaman, cuma di Kedah tak boleh buka lagi. Malah kadang-kadang diperkecilkan atas isu pembangunan, industri, perumahan dan sebagainya," katanya lagi.

Anwar menepis dakwaan segelintir pihak yang mendakwa Kerajaan Perpaduan tidak melakukan apa-apa sejak lebih tujuh bulan mentadbir negara.

"Kata kita tak buat apa macam mana, kita warisi kerajaan yang banyak masalah dan hutang tinggi.

"Namun saya setuju untuk teliti permintaan pesawah berkaitan baja dan racun, tengok semula proses pembelian dan beli yang terbaik. Pastikan proses betul supaya jangan orang sakau tengah jalan," ujarnya.

Pada majlis tersebut, Anwar menyampaikan insentif pembangunan sektor perikanan sebanyak RM18,172,544 selain insentif pembangunan sektor tanaman bernilai RM15,626,011 serta bantuan khas sektor tanaman padi sebanyak RM28,785,090.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|--------------------|---------|------------|
| 15/7/2023 | UTUSAN MALAYSIA | ONLINE | |

RM3 bilion tingkat infrastruktur, pendapatan petani



ANWAR Ibrahim (tengah) menyampaikan Sumbangan Insentif Pembangunan Sektor Perikanan dan Tanaman kepada penerima di Majlis Sentuhan Madani Peringkat Negeri Kedah di Ibu Pejabat MADA, Alor Setar. - UTUSAN/ SHAHIR NOORDIN

ALOR SETAR: Kira-kira RM3 bilion diperlukan kerajaan untuk meningkatkan infrastruktur berkaitan tanaman padi di negara ini termasuk

dalam kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) yang secara tidak langsung diyakini mampu meningkatkan pendapatan pesawah.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, pelbagai program direncanakan antaranya Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) dan penanaman padi lima musim dalam tempoh dua tahun yang sudah dilaksanakan projek rintisnya sebelum ini.

Kata beliau, perbincangan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan bersama MADA dan syarikat Padiberas Nasional Berhad (Bernas) telah dilakukan yang melihat keperluan RM3 bilion untuk menjayakan perkara itu sebagai agenda di bawah Dasar Agromakanan Negara (DAN).

“Mereka bagi pandangan dan kata kalau nak jayakan projek tanam lima musim dua tahun ini, kena ada beberapa infrastruktur tali air, jalan dan macam-macam (yang baik). Saya kata berapa (diperlukan), dia jawab bukan untuk tahun ini, kita mesti mula untuk dua tiga tahun akan datang, tiga tahun paling kurang, mesti siap RM3 bilion.

“Itu masalah saya (untuk cari RM3 bilion), boleh kita dok saja tapi RM3 bilion sedikit ke banyak, banyak. Tapi kalau negara ini selamat daripada sakau, kita urus (dengan baik), jangan rasuah, jangan curi balak, jangan curi nadir bumi kita boleh selamatkan negara, RM3 bilion kita boleh selesaikan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Sentuhan Madani Peringkat Negeri Kedah bersama Peladang, Penternak, Nelayan, Penoreh dan Pekebun Kecil di Ibu Pejabat MADA di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, kerajaan tiada pilihan untuk melakukan perkara itu kerana pesawah padi di negara ini masih tergolong dalam kategori miskin dan niat beliau adalah untuk meningkatkan pendapatan golongan itu sejak mengambil alih pentadbiran negara.

“Apa niat Anwar? Saya kata nak pastikan dengan kerjasama rakan-rakan saya bahawa nasib pesawah padi di bawah pentadbiran kita yang tegas dan cuba bersihkan daripada sakau ini nak tentukan pendapatan betul-betul tinggi daripada RM1,200 naik kepada RM1,800 sebulan.

“Dengan cara demikian kita boleh juga selesaikan masalah keterjaminan makanan. Kalau betul saya dan Kerajaan Perpaduan nak tolong kena buat. Tetapi larat ka orang tunggu sampai tiga tahun baru nak dapat hasil, sementara itu kita buat apa. Saya bagi RM200 sebulan untuk tiga bulan yang memanfaatkan 300,000 pesawah. Orang lain nak peceh, pasal apa dulu tak buat,” tegasnya.

Sementara itu, Perdana Menteri meminta kerjasama semua pesawah serta pihak MADA, dan Bernas memberi peluang kepada kerajaan memperkenalkan kaedah dan cara untuk meningkatkan hasil.

“Kalau selama ini pulun la macam mana pun hasil terhad, dengan cara ini diharapkan dapat meningkatkan pengeluaran dan pendapatan melalui kerjasama MADA, Jabatan Pertanian dan Bernas untuk kita jayakan program ini,” katanya. – [UTUSAN](#)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|-------|---------|------------|
| 15/7/2023 | KOSMO | ONLINE | |

Peruntukan RM3 bilion untuk projek tanam padi lima musim



Anwar (tengah) menyampaikan Insentif Pembangunan Sektor Perikanan, Tanaman dan Tanaman Padi kepada para penerima pada Majlis Sentuhan Madani peringkat Kedah di Ibu Pejabat MADA, Alor Setar hari ini. Foto oleh SHAHIR NOORDIN/KOSMO!

ALOR SETAR – Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyatakan komitmen untuk menyediakan peruntukan sebanyak RM3 bilion

bagi menjayakan projek penanaman padi lima musim dalam dua tahun berskala besar di negara ini.

Kata beliau, peruntukan itu antaranya bagi menyediakan infrastruktur seperti sistem pengairan dan jalan di kawasan sawah Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) seluas 201,000 hektar bagi tempoh sekurang-kurangnya tiga tahun.

“Projek ini dilakukan oleh Jabatan Pertanian, MADA dan Padiberas Nasional Bhd. (Bernas).

“Saya berharap semua pesawah dapat memberikan kerjasama penuh kepada MADA dan Bernas untuk menjayakan projek ini dalam usaha untuk meningkatkan hasil. Kalau sekarang kita kerja pulun macam mana teruk pun, hasil memang terhad,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Sentuhan Madani peringkat Kedah bersama Peladang, Penternak, Nelayan, Penoreh dan Pekebun Kecil di Ibu Pejabat MADA, di sini hari ini.

Menurut Anwar, projek tersebut perlu dilakukan secara berskala besar kerana program rintis penanaman padi lima musim dalam tempoh dua tahun itu sudah menunjukkan hasil yang positif.

“Kalau tanya apa niat Anwar, saya nak pastikan dengan kerjasama rakan-rakan saya bahawa nasib pesawah padi di bawah pentabiran kita yang tegas ini terbela selain cuba bersihkan daripada sebarang kerja sakau.

“Kita nak pesawah mendapat pendapatan yang betul-betul tinggi iaitu dari RM1,200 naik kepada RM1,800 sebulan. Dengan cara sedemikian, kita juga dapat selesaikan masalah negara daripada segi keterjaminan makanan,” ujarnya. – KOSMO! ONLINE

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|---------------------|---------|------------|
| 15/7/2023 | FREE MALAYSIA TODAY | ONLINE | |

Govt will take care of well-being of padi farmers, says PM

Anwar Ibrahim says steps are being taken to boost income of padi farmers from RM1,200 to RM1,800 a month.



Prime Minister Anwar Ibrahim said the government wanted to have five seasons of padi cultivation within two years in Kedah. (Bernama pic)

ALOR SETAR: The government will ensure that the well-being of padi farmers is protected by increasing their income, says Prime Minister Anwar Ibrahim.

In this connection, he said several pilot projects on the five-season crop over two years for padi cultivation had been undertaken to boost padi production.

These were undertaken by the Muda Agricultural Development Authority (Mada) and Kedah Zakat Board.

Anwar said RM3 billion was needed to upgrade infrastructure in padi planting areas to enable the implementation of this five-season crop.

As such, Anwar urged farmers to give their cooperation to make a success of this programme to boost padi output and increase their income.

He said the government wanted to ensure high income for padi farmers, increasing it from RM1,200 to RM1,800 a month.

The prime minister said this when speaking at the Kedah-level "Sentuhan Madani" programme with farmers, breeders, fishermen, tappers and smallholders at the Mada headquarters here today.

Present were deputy prime minister Ahmad Zahid Hamidi, agriculture and food security minister Mohamad Sabu, home minister Saifuddin Nasution Ismail, communications and digital minister Fahmi Fadzil and chief secretary to the government Zuki Ali.

Anwar said among the infrastructure that needed to be upgraded were irrigation systems and roads.

He said local padi output was crucial to ensure self-sufficiency in food production, as stated in the National Agrofood Policy.

Anwar said the country cannot import all the rice it needs. "If anything happens, we must have self-sufficiency," he added.

RM3 bilion untuk pertingkatkan infrastruktur sawah seluruh negara



ANWAR beramah mesra dengan hadirin pada Majlis Sentuhan MADANI Peringkat Negeri Kedah bersama Pesawah, Nelayan, Penoreh dan Pekebun Kecil, hari ini. FOTO Syaharim Abidin

Alor Setar: Kerajaan dijangka memerlukan sehingga RM3 bilion bagi menyediakan infrastruktur kawasan sawah seluruh negara untuk merealisasikan strategi pengeluaran

padi dua tahun lima musim, kata Perdana Menteri.

Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, peruntukan itu adalah bagi membangunkan kemudahan seperti menaik taraf jalan, tali air dan saliran sawah secara berperingkat dalam tempoh antara dua ke tiga tahun.

Katanya, sementara menunggu segala infrastruktur terbabit siap dan penanaman dua tahun lima musim dapat dimulakan, nasib pesawah akan terus dibela dengan pelbagai inisiatif bagi menjamin kehidupan mereka.

"Kita nak cari penyelesaian (untuk pesawah), bukan nak bergaduh tunjuk siapa hero? Kita bincang dengan Jabatan Pertanian dan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), kalau nak jayakan projek tanaman padi dua tahun lima kali pengeluaran kena ada infrastruktur jalan, tali air dan berbagai lagi.

"Saya tanya berapa? Mula untuk dua, tiga tahun ini paling kurang kena ada RM3 bilion. Jumlah itu banyak, tetapi kalau negara ini selamat daripada sakau, curi dan rasuah, kita boleh selesaikan masalah.

"Saya luluskan RM3 bilion hari ini, kita kena buat untuk tingkatan produktiviti pengeluaran padi. Itu sebabnya saya cakap kena jimat belanja, sementara nak tunggu dapat hasil, kita bagi RM200 sebulan selama tiga bulan kepada 300,000 pesawah sementara dapat tuaian," katanya ketika berucap pada Majlis Sentuhan MADANI Bersama Peladang, Penternak, Nelayan, Penoreh dan Pekebun Kecil di Ibu Pejabat MADA di sini, hari ini.

Ad

Hadir sama, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi; Menteri Pertanian dan Keterjaminan Pertanian, Datuk Seri Mohamad Sabu; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali dan Pengerusi MADA, Datuk Dr Ismail Salleh.

Mengulas lanjut, Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, berikutan itu kerajaan berharap pesawah dapat memberi kerjasama kepada setiap agensi pelaksana di kawasan masing-masing bagi menjayakan usaha ke arah tanaman padi dua tahun lima musim.

Katanya, kerajaan juga sudah berbincang bersama syarikat Padiberas Nasional Berhad (Bernas) bagi membantu usaha ini terutamanya di kawasan MADA yang mempunyai kawasan tanaman padi seluas 201,000 hektar.

"Saya cakap dengan Syed Mokhtar (Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhary), untuk pesawah ini bagi sedikit, tahun lepas dapat RM10 juta, tahun ini dapat RM50 juta bagi terus kepada pesawah, dia (Syed Mokhtar) tak susah pun.

"Bila saya nak bantu petani, mereka serang kata saya tekan orang Melayu kaya, saya tak sakau duit dia, bukan minta masuk akaun sendiri atau parti. Dulu kenapa tak minta (pada Syed Mokhtar), Bernas janji bagi 30 peratus keuntungan kepada pesawah.

"Kita cari jalan bantu pesawah, ada dasar pertanian sawah padi. Kita tak boleh import (beras) semua, ada keperluan 50 ke 60 peratus padi dihasilkan sendiri. Kita tak boleh buka kawasan sawah baru kecuali di Sabah dan Sarawak, oleh itu program dua musim lima tahun kena dilaksanakan," katanya.

TARIKH

MEDIA

RUANGAN

MUKA

SURAT

15/7/2023

MALAYSIA KINI

ONLINE

PM: Govt to protect paddy farmers' wellbeing, increase income



The government will ensure that the wellbeing of paddy farmers is protected by increasing their income, said Prime Minister Anwar Ibrahim.

In this connection, he said several pilot projects on the five-season crop in two years for paddy cultivation had been undertaken to boost paddy production, including by the Muda Agricultural

Development Authority (Mada) and Kedah Zakat Board.

Anwar said RM3 billion was needed to...